

RM266 juta

kos dua fasa projek iSHARP

1,500 tan

keluaran udang putih pada 2012

RM23 juta

pendapatan 2012

RM78 juta

jangka pendapatan setahun

190 pekerja

ladang udang komersial terdiri daripada penduduk tempatan



* Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin bersama Sultanah Nur Zahirah melawat Taman Akuakultur Ternakan Udang Bersepadu di Setiu, baru-baru ini.

Projek udang putih mula keluarkan hasil

» *iSHARP cetusan ilham PM jana pendapatan lebih RM23 juta setahun*

Oleh Noor Aznida Alias
bhkt@bharian.com.my

■ Setiu

Projek berimpak tinggi Taman Akuakultur Ternakan Udang Bersepadu (iSHARP) yang dilahamkan Datuk Seri Najib Razak di

Kampung Nyatoh di sini, mula memperlihatkan kejayaan apabila hasil pengeluarannya mencapai 1,500 tan dengan jumlah pendapatan lebih RM23 juta tahun lalu.

Menerusi projek cetusan ilham Perdana Menteri bernilai RM266 juta itu, RM14 juta pendapatan dijana melalui eksport ke luar negara, manakala RM9 juta diperoleh daripada jualan langsung di pasaran tempatan.

144 kolam fasa pertama

Hasil udang putih (*Litopenaeus vannamei*) itu membabitkan pengeluaran dari 144 kolam projek fasa satu yang akan ditingkatkan kepada 216

kolam apabila siap sepenuhnya akhir tahun ini, sebelum diperluaskan kepada 600 kolam melalui fasa kedua yang dijangka bermula pada 2014 nanti.

Pengurus Sumber Manusia iSHARP Setiu, Nazrul Fadhlle Mahmud Zuhodi, berkata projek kerjasama antara kerajaan Pusat, kerajaan negeri Terengganu dan anak syarikat Khazanah Nasional, Blue Archipelago Berhad (BAB) berkeluasan 1,000 hektar itu mula mengeluarkan hasil sulung tahun lalu.

pengeluaran 3,100 tan ia dijangka meningkatkan kapasiti pengeluarannya sehingga 3,100 tan apabila semua 216 kolam fasa satu siap akhir tahun ini.

Beliau berkata, apabila fasa kedua menyusul, iSHARP Setiu bakal muncul projek ternakan udang terbesar di Malaysia dengan jumlah pengeluaran sekitar 5,600 tan dan unjuran pendapatan sebanyak RM78 juta setahun.

"Pada awalnya sasaran kita adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport saja, tetapi disebabkan kekurangan bekalan udang dalam pasaran tempatan, kita bekalkan juga kepada peniaga tempatan bagi memenuhi permintaan."



INFO

Taman Akuakultur Ternakan Udang Bersepadu

◎ Ladang udang komersial pertama yang mengajurkan program latihan 200 pekerjaan melalui Sijil Akuakultur Udang (CSA) setaraf Sijil Kemahiran Malaysia.

dikirai Kementerian Sumber Manusia.

- ◎ Penggunaan sistem 'Bio-Floc' meminimumkan pencemaran dan penyebaran penyakit udang menggalakkan pertukaran air sifat dan mempunyai permintaan tinggi di antara bidang perternakan udang komersial.
- ◎ Penggunaan 'Bio-Floc' untuk

mengurangkan kebergantungan kepada makaran udang konvensional kepada 'shrimp feed' yang dapat mengurangkan 20 peratus kos pengeluaran.

- ◎ Dilulusi pengendali perternakan udang komersial pertama yang menjalankan Kopid Tentera Tentera Nasan Alam Sekitar (STNA) semasa membangunkan iSHARP.



Operator iSHARP memasukkan udang ke dalam kotak berisi ais sebelum dihantar ke kilang untuk diproses.

[FOTO IMRAN MAHZAN/BH]



Pekerja iSHARP Setiu membersihkan kolam selepas proses penuaian udang.

"Perancangan sekarang ialah untuk memperuntukkan 10 peratus pengeluaran kepada pasaran tempatan, manakala 90 peratus lagi eksport ke luar negara termasuk Jepun, Amerika Syarikat, Timur Tengah dan Kestuan Eropah," katanya ketika diintervju BH.

Jenama Pelagos

Nazrul Fadhee berkata, produk udang putih menggunakan jenama Pelagos itu diakui mutunya serta bebas bahan kimia dan antibiotik.

Malah, empat syarikat gergasi dari Jepun termasuk Namura dan Mitsubishi sudah menyatakan minat untuk mendapatkan bekalan udang premium dari projek terbabit.

Selain kolam, Taman Akuakultur yang dibangunkan secara integrasi penuh itu juga akan dilengkapi pusat benih udang dan kilang pemprosesan seperti satu lagi fasiliti milik BAB di Kerpan, Kedah.

Katanya, pusat pembentahan udang itu akan mula dibina tahun ini dan dijangka mampu mengeluarkan sehingga satu billion benih udang setahun, cukup untuk menampung keperluan iSHARP dan penterak kecil di Pantai Timur.

"Melalui program transformasi kerajaan, pusat pembentahan udang yang dicadangkan ini akan menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) pada 2020 sebanyak RM52 juta setahun," katanya.




Produk udang putih menggunakan jenama Pelagos itu diakui mutunya serta bebas bahan kimia dan antibiotik"

**Nazrul Fadhee
Mahmud Zuhodi,
Pengurus Sumber
Manusia iSHARP Setiu**



Sekarang saya mempunyai pendapatan tetap RM1,200 sebulan, tidak termasuk bayaran kerja lebih masa, selain dilindungi insurans. Masa depan anak lebih terjamin dan majikan juga amat prihatin dengan kebijakan pekerja"

**Said Tawang,
Operator ladang iSHARP**



Kolam iSHARP memasang pukat di sekeliling kolam ketika proses menanam ladang

Ratusan peluang kerja untuk penduduk setempat

Pelaksanaan projek iSHARP bukan saja mampu menyumbang kepada ekonomi negara, tetapi mewujudkan ratusan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan, sekali guna meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Nazrul Fadhee berkata, sehingga kini iSHARP mempunyai 214 kakitangan yang mengelola projek fasa satu dengan 87 peratus daripadanya adalah penduduk Kampung Penarik yang dulunya hanya mencari rezeki di laut.

"Seperti sasaran sejak awal pelaksanaan projek, semua pekerja yang bekerja di sini adalah anak tempatan yang dulunya nelayan dan buruh.

"Malah, kita juga mengambil graduan anak tempatan bekerja di sini dan dipertamakan di bahagian pengurusan serta operasi kerana keutamaan iSHARP membuka peluang pekerjaan untuk anak Terengganu," katanya.

Pekerja terlatih

Apabila projek fasa satu siap kelak, bilangan pekerja akan ditambah kepada 280 orang dan meningkat kepada 700 selepas fasa dua lengkap membabitkan penggunaan tenaga kerja pada peringkat separuh mahir, terlatih dan pengurusan dengan lebih 80 peratus daripadanya diisasi anak tempatan.

"Pekerjaan diwujudkan ini akan menjana pendapatan sehingga RM12 juta setahun dan secara tidak langsung meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk setempat.

"Pada masa sama, ia memberi harapan kepada generasi muda untuk bekerja di tempat sendiri tanpa perlu berhijrah ke kota besar," katanya.

Sementara itu, seorang operator ladang, Said Tawang, 49, dari Kampung Penarik berkata, kehidupannya sekarang sudah berubah berbanding dua tahun lalu ketika dia bekerja sebagai nelayan.

Dengan pendapatan tidak menentu sebagai nelayan, dia terpaksa melakukan pelbagai kerja pada satu masa untuk menyara empat anaknya yang semuanya masih bersekolah.

"Sekarang saya mempunyai pendapatan tetap RM1,200 sebulan, ti-

dak termasuk bayaran kerja lebih masa, selain dilindungi insurans. Masa depan anak lebih terjamin dan majikan juga amat prihatin dengan kebijakan pekerja," katanya.

Jana ekonomi Setiu

Pekerja lain, Nor Rahmat Sulong, 29, yang berasal dari Rusila, Marang berkata, projek iSHARP memberi impak besar kepada ekonomi Setiu yang diketahui sebagai antara daerah paling mundur di negeri ini.

Beliau yang juga penyelia di situ berkata, selain peluang pekerjaan yang banyak, ia juga akan menggerakkan banyak kegiatan ekonomi kepada pengusaha kecil dan sekerahan dalam aktiviti akuakultur dan perkhidmatan sokongan.

"Selain itu projek ini juga membantu meningkatkan kemudahan infrastruktur penduduk kerana kemudahan seperti jalan raya, tangki air dan stesen pencawang elektrik yang dinaiktaraf untuk menampung keperluan iSHARP dirasai tempatias oleh penduduk sekitar Setiu," katanya.

